# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
# JUMAAT 21 MEI 2021

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1.<br>2. | 'MATI' TAPI BERNYAWA, PENYELUDUP HIDUPAN LIAR GUNA PARCEL HANTAR KEPADA PELANGGAN, HM, LOKAL-6<br>ENFORCEMENT OFFICERS SMOKE OUT FISHY THREE-TONNE LORRY, NATION, THE STAR-11 | JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS) |
| 3. | FAMA BANTU ATASI MASALAH LAMBAKAN TEMBIKAI, BH-ONLINE | LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA) |
| 4.<br>5.<br>6.<br>7.<br>8. | PERIKANAN LAUT DALAM LUMPUH, DALAM NEGERI, UM-1&4<br>TWO FOOD CENTRES CLOSE DUE TO VIRUS, THE STAR-ONLINE<br>BUMI IRAQ TELADAN 'FOOD SECURITY', HARAKAH DAILY-ONLINE<br>FOOD TRADERS NOW WORK FROM HOME, EVENT,THE STAR-6<br>PESAWAH KECEWA SIKAP JPS, DALAM NEGERI, UM-32 | LAIN -LAIN |

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 21.05.2021 | HARIAN METRO | LOKAL | 6 |



[illegible]

# 'Mati' tetapi bernyawa

## *Penyeludup hidupan liar guna parcel hantar kepada pelanggan*

Oleh Mohd Jamilul Anbia Md Denin
anbia@hmetro.com.my

**Kuala Lumpur**

Pengsan dan kaku 'keras' di dalam kotak namun masih lagi bernyawa. Itu nasib haiwan liar dilindungi disuntik ubat bius atau dadah sebelum dihantar atau diseludup menggunakan khidmat pos kepada pelanggan.

Ternyata kawalan ketat semua pintu negeri dan sempadan negara menyebabkan aktiviti jenayah penyeludupan haiwan liar dilindungi beralih modus operandi dengan memilih kaedah pengiriman melalui kurier sebagai taktik paling pantas dan selamat.

Ketua Pengarah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Semenanjung Malaysia, Datuk Abdul Kadir Abu Hashim yang dihubungi wartawan mengakui kegiatan penyeludupan haiwan liar dilindungi menggunakan parcel, kurier atau pos dikesan terus berlaku hingga kini.

Menurutnya, siasatan pihaknya mendapati pelbagai spesies haiwan diseludup menggunakan parcel, kurier atau pos terutamanya membabitkan haiwan dijadikan binatang peliharaan.

"Antaranya pelbagai reptilia seperti ular *ball python*, *boa* dan kura-kura seperti *Indian star tortoise* dan *radiated tortoise*, burung dan hidupan mamalia kecil lain.

"Kaedah digunakan ini (menggunakan kurier dan parcel) jelas satu penganiayaan dan kezaliman terhadap hidupan liar yang mahu dijual atau diseludup," katanya.

Kadir berkata, haiwan itu biasanya dikurung dalam kotak kecil dan sempit serta diikat dengan pelekat supaya tidak bergerak atau mengeluarkan bunyi.

"Lebih menyeksakan apabila haiwan ini tidak boleh bergerak, kurang oksigen, tiada makanan dan diberikan dadah untuk kekal diam atau tidur sepanjang tempoh penghantaran kotak berkenaan kepada pelanggan," katanya.

Beliau berkata, keadaan itu menyebabkan risiko haiwan itu untuk mati dalam perjalanan adalah tinggi.

"Kaedah penghantaran menggunakan parcel turut dilakukan bagi barangan terbitan hidupan liar seperti produk perubatan tradisional (mengandungi unsur hidupan liar), trofi dan bahagian hidupan liar termasuk sisik tenggiling, gading gajah dan sumbu badak.

"Penyeludupan menggunakan taktik ini ada yang digunakan untuk pasaran tempatan terutamanya perubatan tradisional dan sebahagiannya untuk dihantar ke negara lain," katanya.

Beliau berkata, Jabatan Perhilitan sentiasa bekerjasama dengan pelbagai agensi di pintu masuk negara termasuk dibantu Jabatan Kastam Diraja Malaysia (KDRM), Maqis dan Pos Malaysia dalam membenteras kegiatan penyeludupan hidupan liar.

Menurutnya, modus operandi itu sudah lama dikesan terutama dalam kalangan peniaga hidupan liar dilindungi yang menggunakan laman sosial Facebook untuk mencari pelanggan.

"Kaedah itu memberi kesempatan kepada penyeludup untuk mengembangkan rangkaian perniagaan serta melipat-gandakan keuntungan mereka walaupun ketika negara berdepan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

"Kegiatan mereka tidak lagi terhad menggunakan lori, bas ekspres atau kereta apabila kaedah tempahan dan penghantaran menggunakan kurier membolehkan mereka memperoleh keuntungan segera," katanya.







ANTARA hidupan liar yang dirampas Perhilitan ketika cuba diseludup guna parcel.


PIL TONIC LELAKI TECK AUN

Digunakan secara tradisional untuk:
melegakan
sakit pinggang,
keletihan badan,
kekurangan tenaga dan
kekerapan kencing



INI IKLAN PRODUK TRADISIONAL
INI ADALAH SEDIAAN HERBA
MAL:19972434T
K.K.L.I.U.: 2276/2019
EAGLE & PAGODA BRAND TECK AUN MEDICAL FACTORY SDN BHD
Pek Mudah

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 21.05.2021 | THE STAR | NATION | 11 |

# Enforcement officers smoke out fishy three-tonne lorry

By MOHD FARHAAN SHAH
farhaan@thestar.com.my

**JOHOR BARU:** There was something fishy about a three-tonne lorry's consignment at the Sultan Abu Bakar complex.

It raised the suspicion of the authorities because according to its permit, the lorry could transport 1.3 tonnes of fresh fish, but going by the number of boxes, it looked like only 700kg of fish had been loaded.

Customs Department and Malaysian Quarantine and Inspection Services Department (Maqis) officers decided to inspect the cargo and to their surprise, found illicit cigarettes hidden underneath the boxes of fresh fish.

Johor Customs Department director Sazali Mohamad said the incident happened at around 6.20pm on May 3 as they suspected the lorry did not follow regulations under its permit to export fish.

He said during the inspection, they found 257,400 sticks of illicit cigarettes in 12 plastic boxes hidden among other boxes containing fresh fish.

"The value of the seizure including unpaid taxes and the vehicle is RM291,837," he told a press conference yesterday.

Sazali said the lorry driver and his assistant, aged 30 and 60 respectively, have been held to assist in investigations.

He added it was the first time Customs has uncovered the tactic of smuggling illicit cigarettes under the cover of exporting fresh fish.

The case will be investigated under Section 135(1)(a) of the Customs Act 1967, read together with Section 139 of the same Act for attempting to export banned items without approval.

In a separate case, Sazali said a man and a woman, both in their 30s, were arrested at a house in Segamat at around 1.45am on May 5.

He said during a raid, 117 boxes of firecrackers and fireworks worth RM103,372 including unpaid taxes were seized in two rooms.

"The house is owned by one of the suspects who allowed the other occupant to use the premises to store the illegal items," he said.

Sazali urged the public to help Customs officers curb smuggling activities involving cigarettes, liquor, drugs and vehicles.

"Smuggling does not only cause financial losses in terms of revenue to the country but also threatens national security and public well-being," he said.

Those with information should contact the toll-free number 1-800-88-8855 or visit any nearest Customs offices nationwide.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 21.05.2021 | BERITA HARIAN | ONLINE | |

# FAMA BANTU ATASI MASALAH LAMBAKAN TEMBIKAI



JELI: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) membeli 320 tan tembikai daripada penduduk di sekitar Kampung Kuala Balah, dekat sini, dalam usaha membantu mereka memasarkan lambakan tembikai sejak pengeluarannya Ramadan lalu.

Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) FAMA, Mohamad Mustahapa Awang, berkata ia membabitkan empat peserta yang mengusahakan tanaman tembikai di kawasan seluas 40 hektar, tetapi pengeluaran kali ini berkurangan 50 peratus kerana hujan.

"Mulai April hingga 17 Mei lalu, FAMA Kelantan membeli hampir 80 tan tembikai dan baki 100 hingga 120 metrik tan lagi dijual secara runcit serta borong oleh peserta.

"Peserta terbabit juga ada memaklumkan kepada FAMA Tanah Merah dan Jeli bahawa tembikai mereka dijual kepada syarikat Bee Hoo Supply Sdn Bhd," katanya kepada BH, hari ini.

Kelmarin, 50 pengusaha tanaman tembikai di Kampung Kuala Balah mendakwa kerugian lebih RM300,000 kerana keluaran hasil tidak dapat dipasarkan susulan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi membendung COVID-19.

Berikutan itu, penanam tembikai terbabit mendakwa penjualan buah itu dilakukan secara terhad kerana terpaksa menjaja di tepi jalan saja.

Mohamad Mustahapa berkata, dua projek tanaman tembikai di Kampung Kuala Balah iaitu di Kampung Lama dan Kampung Rahmat.

Beliau berkata, FAMA sentiasa terbuka dalam memberi kerjasama kepada semua usahawan tembikai yang berdepan masalah pasaran.

"Kontrak pemasaran boleh dibuat di antara FAMA dan usahawan tembikai dalam memastikan situasi menang-menang, sekali gus dapat mengatasi masalah lambakan," katanya.

Susulan itu, beliau berharap usahawan tembikai yang berdepan masalah pasaran menghubungi segera pihaknya bagi mengatasi masalah itu, sekali gus dapat meningkatkan pendapatan mereka.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 21.05.2021 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 1 |

# Perikanan laut dalam lumpuh

**Oleh HAFIZ ABD. MUTALIB, ZAID MOHD. NOOR, KHUZAIRI ISMAIL, WAT KAMAL ABAS dan TOREK SULONG**
utusan@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Kira-kira 90 peratus daripada 2,500 bot perikanan laut dalam 'tersadai' tidak dapat ke laut menangkap ikan sejak setahun lalu ekoran ketiadaan pekerja dari Thailand ekoran pintu sempadan negara ditutup sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Dilema yang ditanggung lebih 1,000 pengusaha di negeri-negeri utara Semenanjung dan Kelantan itu menyebabkan mereka menanggung kerugian lebih RM1 bilion kerana terpaksa menyelenggara bot-bot yang tersadai di pelabuhan dan jeti sepanjang tempoh berkenaan.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 21.05.2021 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 4 |

# Perikanan laut dalam lumpuh

**Dari muka 1**

Di **PERLIS**, industri perikanan di Kuala Perlis semakin 'nazak' apabila pengusaha terpaksa menanggung kerugian hampir RM23 juta berikutan lebih 70 daripada keseluruhan 150 pengusaha bot tidak dapat turun ke laut sejak 15 bulan lalu.

Ini ekoran kegagalan ratusan pekerja warga Thailand kembali semula ke negara ini berikutan penutupan pintu sempadan.

Lebih malang, ramai dalam kalangan pengusaha terpaksa menjual bot apabila sudah tidak mampu lagi menanggung kerugian khususnya dari segi kos penjagaan.

Mereka terpaksa mengeluarkan modal sendiri dan dalam masa sama pengusaha tersebut tidak mempunyai pendapatan selepas sekian lama tidak dapat turun ke laut.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengerusi Persatuan Perniagaan Ikan dan Pengusaha Bot Kuala Perlis, **Liew Seak Tong** berkata, setiap bulan dianggarkan pendapatan seorang pengusaha bot adalah RM10,000 hingga RM15,000 dengan kemampuan memperoleh RM150,000 dalam tempoh 15 bulan.

Katanya, apabila tidak dapat turun ke laut, para pengusaha tersebut hilang pendapatan kira-kira RM1.5 juta sebulan dan dalam tempoh 15 bulan kerugian boleh mencecah sehingga RM23 juta.

Jelasnya, dari segi penjagaan dan baik pulih bot, para pengusaha dianggarkan mengalami kerugian sekitar RM5,000 sebulan atau RM750,000 dalam tempoh 15 bulan.

"Masalah ketiadaan pekerja cukup menghantui para pengusaha di sini apabila hanya sekitar 20 atau 30 peratus sahaja bot yang keluar ke laut ketika ini.

"Jika sebelum ini, para pengusaha boleh menghasilkan lebih 60 hingga 70 tan metrik ikan sehari namun kini, hanya 10 tan sahaja," katanya.

Di **KEDAH**, Seramai 400 pengusaha bot laut dalam mendakwa terpaksa menanggung kerugian kira-kira RM300 juta apabila tidak dapat turun ke laut.

Pegawai Khas Pertubuhan Pemilik Bot Ikan Negeri Kedah, **S. Sivakumar** berkata, jumlah kerugian besar itu terpaksa ditanggung apabila bot mereka tersadai selepas tidak dapat keluar menangkap hasil laut kerana masalah kekurangan tekong dan awak-awak rakyat asing.

Menurutnya, keadaan tersebut dijangka berlarutan dan boleh melumpuhkan industri laut dalam.

Katanya, industri perikanan laut dalam di negeri ini sahaja memerlukan kira-kira 2,000 pekerja asing tersebut," katanya.

> **"Kami berdepan risiko gulung tikar jika pekerja perikanan warga asing terus tidak diberi kelonggaran untuk memasuk dan bekerja dalam sektor perikanan laut dalam."**
>
> **PEMILIK BOT**

Di **PERAK**, nelayan laut dalam di sini berisiko gulung tikar setelah tidak dapat turun ke laut sejak lebih setahun disebabkan larangan kemasukan pekerja asing.

Kerana tiada - pekerja, bot mereka terus tersadai tidak bergerak sejak lebih setahun lalu, menyebabkan mereka tiada pendapatan.

Akibatnya, mereka kini berdepan dengan pelbagai masalah terutama untuk membayar balik hutang pinjaman bot dengan pihak bank.

Selain itu, bot mereka yang lama tersadai akan menyebabkan enjin rosak selain kos penyelenggaraan yang semakin tinggi.

Seorang pemilik bot laut dalam di Bagan Panchor, **Tneh Zi Seng**, 27, berkata, keadaan mereka semakin terdesak kerana larangan tersebut.

"Kami berdepan risiko gulung tikar jika pekerja perikanan warga asing terus tidak diberi kelonggaran untuk memasuk dan bekerja dalam sektor perikanan laut dalam," katanya.

Di **KELANTAN**, kira-kira 400 pengusaha bot laut dalam di Pasir Puteh dan Bachok berharap kerajaan mencari penyelesaian terhadap kerugian yang mencecah RM300 juta akibat ketiadaan nelayan warga asing.

Mereka mendakwa rayuan dan memorandum berkaitan yang dihantar kepada pihak kerajaan bagaikan 'surat layang' yang tidak berharga kerana tiada sebarang maklum balas diterima.

Wakil pengusaha bot laut dalam Tok Bali, **Ismail Zakaria**, 59, berkata, daripada 115 bot laut dalam di kawasan itu, hanya tinggal 25 bot masih beroperasi.

Menurutnya, apabila Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) dikuatkuasakan ia jadi lebih merumitkan ditambah pula kekangan pandemik Covid-19 yang mengehadkan kemasukan warga asing ke negara ini.

"Masalahnya sekarang ada kira-kira 700 nelayan asing yang terkandas gagal pulang ke negara asal tetapi terpaksa ditanggung makan minum mereka setiap hari di sekitar Tok Bali dan Bachok," katanya.

Di **PULAU PINANG**, Pengerusi Persatuan Nelayan Teluk Bahang, **Johari Mohamad** memberitahu, tempoh PKP sepatutnya memberi kelebihan dan keuntungan kepada para nelayan pantai apabila hasil tangkapan laut mereka bertambah berbanding sebelum ini.

Ini kerana jelasnya, ancaman bot pukat tunda terutama daripada bot nelayan asing kini berkurangan hampir 50 peratus ekoran pelaksanaan PKP sejak awal tahun ini.

Namun jelasnya, kegembiraan nelayan yang berjaya membawa naik lebih banyak hasil laut tidak berpanjangan apabila orang tengah menawarkan harga terlalu rendah untuk memborong tangkapan mereka.

"Alasan yang diberikan mereka juga adalah disebabkan PKP, maka permintaan hasil laut daripada pengguna berkurangan," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 21.05.2021 | THE STAR | ONLINE | |

# TWO FOOD CENTRES CLOSE DUE TO VIRUS



THE Batu Lanchang food complex in Penang will be closed for seven days starting today after three of its hawkers tested positive for Covid-19.

In a statement, the 115 hawkers said the voluntary closure would allow sanitisation work to be carried out at the complex. A representative Goh Kok Joo said their business was seriously affected after a viral message on Monday said there were positive Covid-19 cases at the complex.

He said the hawkers then went for the subsidised RTK Antigen Covid-19 tests at Lam Wah Ee Hospital after contacting the service centre of Batu Lanchang assemblyman Ong Ah Teong. "Over the past few days, some 70 hawkers here went for their tests and three of them tested positive for the virus.
"We urge all the hawkers here to go for the test as well, " Goh said.Ong said the hawkers took their own initiatives to undergo Covid-19 tests at the hospital as a safety precaution.
"My service centre rolled out the subsidised Covid-19 test programme for the hawkers in this constituency, like previously done for those at the Jelutong Market.

"Many of them took part in the programme and each of them paid RM80 to do the test."But how many tested positive or who tested positive, we would not know because this is recorded by the Health Ministry, " he said.At Taman Lip Sin, off Jalan Sungai Dua, a private company was hired to sanitise the Super Tanker food court after three of its hawkers tested positive for Covid-19.
Batu Uban assemblyman A. Kumaresan said the food court had since been closed indefinitely after three confirmed cases were reported yesterday.

"The food court owners said they would carry out cleaning and sanitising work at the food court tonight (yesterday night), " he said.
One of the hawkers who wanted to be known only as Vin, 40, was seen removing raw food materials at her stall in the food court.
"We know that the food court will be closed for sometime, but none of us were told when it would be allowed to reopen.
"This came as a surprise as we did not expect that some among us would catch the virus. "I myself am concerned and I plan to go for testing myself to be safe. "Since I cannot do business for now, I can stay home, " she said when met yesterday.
At the nearby Taman Jubilee Market frequently patronised by residents in the surrounding areas, a sundry stall owner who wanted to be known only as Sunny, 52, said they were affected by the food court's closure. "We are seeing fewer visitors since the food court's closure on Tuesday.

"But ever since the start of the movement control order (MCO), not many people patronise the market.
"Visitor numbers often fluctuate. On some days there are fewer people, on some days there are more people, " he said.
Vegetable seller Jack Tak, 33, said they expected a slight drop in visitors following the food court's closure.
"There are people in the community who are scared, but the people who stay nearby would still come out to buy groceries.
"Some others opt for delivery, where many vendors here cater to as well.
"For us, we are concerned too but we believe that as long as we follow the SOPs closely and control the crowd, it should be okay.

Tak said that since last year, the market vendors have been forking out money to hire Rela members to monitor and control the crowd at the market daily. "This is what we do collectively to ensure the safety of ourselves and our patrons.
"As we are a privately owned market, we cannot afford to close due to the rentals we pay so we have to be diligent.
"We hire two Rela members daily, and four on weekends.
"This is to control the number of visitors to ensure that at any one time, only 50 people are allowed in, " he said.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 21.05.2021 | HARAKAH DAILY | ONLINE | |

# BUMI IRAQ DALAM TELADAN 'FOOD SECURITY'




**DALAM** hal jaminan keselamatan makanan (*food security*) ketika berdepan dengan bencana jangka panjang, model Kerajaan Iraq antara yang menarik. Iraq sebenarnya sebuah negeri pertanian. Kewujudan 2 batang sungai yang membelah bumi Iraq dari Utara ke Selatan iaitu Dajlah dan Furat menjadikan bumi 2 sungai ini sangat subur. Orang Iraq selalu sebut kepada saya. Di Iraq hanya tiang elektrik dan tiang telefon yang kami tanam dan tidak tumbuh membesar. Benda lain yang ditanam semuanya tumbuh membesar.

Gandum antara hasil utama yang merupakan makanan ruji rakyat. Untuk tanaman gandum tidak ada sistem pengairan yang khusus. Bila masuk musim dingin pada bulan Oktober, hujan akan turun dan ketika itulah gandum mula ditabur. Juta hektar luasnya di seluruh Iraq. Memadai hanya dengan hujan yang turun sekali setahun untuk penanaman gandum.

Advertisement

Lebih kurang 4 bulan gandum mula dituai. Kerajaan akan membeli semua gandum yang diusahakan peladang. Biasa saya pergi tengok para peladang berhimpun di Bank Pusat Iraq مصرف المركزي untuk mengambil wang bayaran dari kerajaan.

Tanggungjawab memproses gandum diuruskan oleh Kementerian Pertanian وزارة الزراعة. Gandum yang telah diproses kemudiannya diagihkan kepada rakyat secara percuma dalam bentuk bantuan makanan sebanyak 5kg sebulan bagi setiap rakyat Iraq yang bernyawa. Agihan ini termasuk juga kepada semua warga asing yang menetap secara sah di Iraq. Kami pelajar Malaysia pun dapat. Ada lagi bantuan lain seperti beras, susu, minyak masak dan lain-lain.

Peniaga-peniaga boleh mendapatkan bekalan gandum dari kerajaan dengan harga murah yang membolehkan mereka menjual gandum kepada rakyat juga dengan harga murah. 5kg sebulan masih tak mencukupi tapi ia sangat membantu. Kalau dalam 1 keluarga ada 10 orang, mereka dapat 50kg gandum sebulan secara percuma dari kerajaan. Ada beberapa *item* lagi seperti beras, susu bayi, minyak masak, sabun basuh, teh dan barang-barang keperluan lain yang diagihkan secara sistematik setiap bulan secara percuma. Pernah saya kena marah dengan tuan kedai runcit yang menjadi wakil agihan barangan percuma ini kerana tak pergi ambil barangan yang memang tersedia untuk saya.

Saya melihat *food security* inilah antara benteng utama kenapa Iraq mampu bertahan berhadapan dengan sekatan ekonomi PBB dari 1991 sehinggalah kejatuhan Iraq pada 2003. Kuasa besar US boleh sekat Iraq dari darat, laut dan udara. Tapi rakyat tetap boleh makan. Ada waktu dan ketikanya andai berlaku krisis ketiadaan makanan, maka mereka yang ada makanan ialah orang yang paling kaya. Lebih kaya dari mereka yang ada wang dan emas.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 21.05.2021 | THE STAR | EVENTS | 6 |






Johor Baru City Businessmen and Traders Association says business is down by 50% to 70% since March last year. — Filepic

# Food traders now work from home

## Many in downtown Johor Baru give up physical premises as they can no longer afford rent

By ZAZALI MUSA
metro@thestar.com.my

A MAJORITY of food operators in downtown Johor Baru have become home-based as they can no longer afford to pay rental for their premises.

Johor Baru City Businessmen and Traders Association (JBCBTA) president Roland Lim Chin Eng said business was down by 50% to 70% since March last year.

He said that while some hawkers had decided to operate from home, others had closed for good.

"That was their only option as they had exhausted all other avenues," he said when contacted.

Lim said the pressing problem faced by the association's 150 members was rental, as most of their landlords wanted them to continue paying although their income had dropped.

JBCBTA members are involved in running food stalls, coffeeshops, restaurants as well as sundry shops and goldsmith outlets.

He said food-related businesses were the most badly impacted by the Covid-19 pandemic and movement control order.

"We are appealing to the government to allow customers to dine in at food outlets during MCO 3.0 apart from permitting takeaway."

JB Bazaar Traders Association chairman Roslan Abd Hamid said the association would submit an appeal letter to the state government and Johor National Security Council to allow them to continue operating during MCO 3.0.

He said the pandemic had badly impacted the association's 200 members.

Roslan said their income was down by 75% to 85% on average since March last year.

"Business started to improve slightly when we were allowed to operate during this year's Ramadan under MCO 2.0, but we had to stop because of MCO 3.0."

He said the traders were also not allowed to operate three days before Hari Raya Aidilfitri.

"We cannot do much now except stay at home.

"We hope the latest MCO will not be extended after June 7," said Roslan.

He said although Johor Baru City Council (MBJB) had waived the RM100 monthly rental when business at the bazaar was temporarily suspended during the first MCO in March last year, it had not had much of an impact.

He proposed that MBJB extend operating hours from 6pm to 2am, instead of keeping to the 10pm deadline.

"Most of our customers only start coming from 9pm onwards," he said.

Roslan noted that JB Bazaar — better known as Pasar Karat — had not only been popular with locals but also Singaporeans and Indonesians pre-pandemic.

But the number of visitors to the site in Jalan Segget had gone down drastically.

"We were barely able to make ends meet even when it was allowed to open," he said.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 21.05.2021 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 32 |



BEBERAPA pesawah menunjukkan sawah padi yang diliputi pasir dari Sungai Paya Luboh akibat banjir yang melanda kawasan tersebut Isnin lalu. - UTUSAN/AMRAN MULUP

# Pesawah kecewa sikap JPS

Oleh **AMRAN MULUP**
utusannews@mediamulia.com.my

**MELAKA:** Kegagalan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) negeri membina batu sangkar di Sungai Paya Luboh dekat sini menjadi punca kira-kira 33 pesawah dekat sini kerugian hampir RM120,000.

Ia ekoran hujan lebat Isnin lalu mengakibatkan kawasan sawah padi seluas 52 hektar dilanda banjir hingga menjadikannya seperti sebuah tasik menenggelamkan anak padi yang baru sebulan ditanam pesawah.

Seorang pesawah, **Rosli Ahmad**, 52, berkata, JPS pernah berjanji akan memasang batu sangkar di sungai berkenaan bagi mengelak limpahan air dan hakisan sungai, tetapi segalanya sekadar 'omong kosong' semata-mata.

Katanya, jika batu sangkar dipasang, berkemungkinan sawah padi di kawasan tersebut tidak dilanda bah yang teruk seperti sekarang.

"Kita telah memohon kepada JPS sejak tiga tahun lalu. JPS datang ke kawasan ini sudah banyak kali. Asal datang mereka kata JPS akan bina batu sangkar. Kali terakhir mereka datang Disember lalu.

"Yang turut hadir Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Kundor, Datuk Azman Hassan tapi hasilnya sekadar janji semata-mata," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia*.

Terdahulu, akhbar ini melaporkan, pesawah padi di Paya Luboh kerugian hampir RM120,000 apabila kawasan sawah ditenggelami air banjir ekoran hujan lebat yang melanda beberapa daerah di negeri ini.



ROSLI AHMAD



SABRI YUSOF

> **"Kita telah memohon kepada JPS sejak tiga tahun lalu. JPS datang ke kawasan ini sudah banyak kali. Asal datang, mereka kata JPS akan bina batu sangkar. Kali terakhir mereka datang Disember lalu."**
>
> ROSLI AHMAD

Ketua Unit Peladang Paya Luboh, Zahedan Udiniah Bahari berkata, hampir seluruh kawasan sawah di situ digenangi air hingga menenggelamkan anak padi yang baharu ditanam sebelum Ramadan.

Dalam pada itu, seorang lagi pesawah, **Sabri Yusof**, 55, berkata, musibah yang menimpa itu memaksa dia membajak semula sawah miliknya berkeluasan lima hektar, selain terpaksa membeli benih padi yang baharu.

"Ini kali kedua sawah saya ditenggelami banjir. Kali pertama berlaku awal tahun ini dan saya menanggung kerugian yang sama.

"Kali ini banjir sangat teruk kerana tiga hari air baru surut. Anak padi pula baru ditanam, bila terlalu lama ditenggelami air sudah tentu ia akan mati tidak sampai beberapa hari," katanya dengan nada kecewa.